

**SIMBOL DALAM MANTERA MENURUT KEPERCAYAAN
ORANG MELAYU
[SYMBOL IN MATRA BASED ON THE MALAY BELIEF]**

Mazarul Hasan Bin Mohamad Hanapi¹

Institut Peradaban Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim Perak, Malaysia.
mazarul@fpm.upsi.edu.my

Abdul Halim Ali²

Mohd Rosli Saludin

²Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim Perak, Malaysia

ABSTRAK

Mantera mempunyai unsur simbolisme yang boleh dilihat melalui penggunaan bahasanya. Ia penting dalam mempengaruhi pemikiran seseorang individu untuk menjadi lebih sempurna dalam kehidupan mereka dan kehidupan bermasyarakat. Makalah ini mempunyai dua objektif iaitu pertama mengenal pasti simbol yang terdapat dalam mantera dan kedua menghuraikan fungsi simbol yang terdapat dalam mantera menurut kepercayaan orang Melayu. Kajian ini bertitik tolak daripada teori Semiotik yang melihat proses kreatif dalam berbahasa boleh mempengaruhi psikologi manusia dan melihat dunia kata-kata dalam mantera sebagai cerminan lambang akal budi orang Melayu. Ia juga akan disesuaikan dengan teori pengkaedahan Melayu. Prinsip simbol yang terdapat dalam teori Semiotik akan dilihat bagi mengenal pasti simbol-simbol yang terdapat dalam mantera. Manakala fokus bagi teori Pengkaedahan Melayu adalah berkaitan dengan pendekatan firasat yang berkait langsung dengan pemikiran masyarakat Melayu dahulu. Bahan mantera yang akan digunakan adalah daripada buku

Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Justeru keindahan kata-kata dalam mantera bukan sahaja terletak pada pilihan kata serta kalimatnya yang berima, tetapi terkandung di dalamnya makna dan falsafah yang sangat baik mewakili pancaran pemikiran masyarakat tradisi dahulu. Mantera juga dapat menerangkan pemikiran tentang peranan dan kepentingan manusia untuk menguasai ilmu, menghayati alam sekitar, dan hubungan manusia dengan kehidupan, sebuah ekspresi intelektual serta memberi penekanan kepada keindahan dan kehalusannya iaitu dari segi budi dan bahasanya. Maka penggunaan simbol dalam mantera dilihat amat penting untuk menggambarkan kepercayaan masyarakat terhadap sesuatu perkara dan mantera adalah cermin serta dokumen budaya masyarakat tradisi.

Kata kunci: mantera, kepercayaan, dokumen, budaya, pemikiran

ABSTRACT

*Incantations have elements of symbolism that are visible through the usage of its language. They are important in influencing one's thinking in order to be better in his daily life as well as living as a society. There are two objectives of this paper, where the first is to identify the symbols found in Malay's incantations. This theory originates from the Semiotic Theory that views the creative process in using a language as being able to influence human psychology and sees the world of words in incantations as a reflection of the common sense of the Malays. It will also be adapted with the Theory of Malay Methodology. The principle of symbols found in the Semiotic Theory will be in view to identify the symbols found in the incantations. On the other hand, the focus of the Theory of Malay Methodology is pertinent to the intuitionist approach, which is directly related with the thinking of the early Malay society. The incantation materials that are going to be used are from the *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* book published by Dewan Bahasa dan Pustaka. Hence the beauty of the words in the incantations does not only lie on the word selections and the rhyming sentences, but also embedded in it exceptional meanings and philosophies that represent the thinking of the past traditional society. The incantations are also able to explain the reasoning on the*

roles of and the importance for man to master knowledge, appreciate nature and man's relationship with life; an intellectual expression and putting emphasis to its beauty and fineness in the aspects of its decorum and language. Therefore, the use of symbols in incantations is viewed to be crucial in illustrating a society's belief on something, and incantations are reflections and cultural documents of a traditional society.

Keywords: incantations, beliefs, documents, culture, thinking

PENGENALAN

Dalam budaya Melayu, penggunaan mantera seiring dengan fahaman animisme yang mempengaruhi kepercayaan dan pemikiran mereka terhadap sesuatu kejadian. Penggunaan mantera mula berubah setelah Islam masuk ke Tanah Melayu sekitar abad ke-13 hingga abad ke-15. Unsur sintisisme di antara Islam dan animisme telah mewujudkan berlaku suatu sifat yang universal dalam penggunaan dan pengucapan mantera. Struktur mantera telah diberi perubahan dan pembauran Islam, contohnya, mantera akan dimulai dengan lafaz Bismillahir-Rahmanir-Rahim dan diakhiri dengan Laila-hail-lallah. Maka penggunaan dan pengucapan mantera telah menjadi universal sifatnya. Dunia kata-kata dalam mantera boleh merangsang indera manusia untuk berubah menjadi apa yang dimahukannya mengikut amalan individu tersebut. Namun, penggunaan mantera bagi masyarakat Melayu kini kurang diamalkan kerana ia bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Mantera ialah karangan berangkap yang menerangkan *world-view* dan kosmos bagi manusia berhubung dengan makhluk-makhluk ghaib. Mantera menerangkan pemikiran tentang peranan dan kepentingan manusia untuk menguasai ilmu, menghayati alam sekitar, dan hubungan manusia dengan kehidupan, sebuah ekspresi intelektual serta memberi penekanan kepada keindahan dan kehalusannya iaitu dari segi budi dan bahasanya.

Mantera mempunyai unsur simbolisme yang boleh dilihat melalui penggunaan bahasanya. Ia penting dalam mempengaruhi pemikiran seseorang individu untuk menjadi lebih sempurna dalam kehidupan mereka dan kehidupan bermasyarakat. Kajian ini bertitik

tolak daripada teori semiotik yang melihat proses kreatif dalam berbahasa boleh mempengaruhi psikologi manusia dan melihat dunia kata-kata dalam mantera sebagai cerminan lambang akal budi orang Melayu. Ia juga akan disesuaikan dengan teori pengkaedahan Melayu. Teori semiotik ini tidak akan dilihat sebagai dunia yang *autonomous* tetapi akan dihubungkan dengan konteks atau budaya masyarakat yang melahirkan mantera. Manakala fokus bagi teori pengkaedahan Melayu adalah berkaitan dengan pendekatan firasat yang berkait langsung dengan pemikiran masyarakat Melayu dahulu terutamanya dalam meneliti aspek simbol dan kepercayaan masyarakat mengenai simbol yang digunakan dalam mantera.

Masyarakat Melayu kaya dengan pelbagai jenis simbol yang memberikan satu makna atau lebih daripada satu makna. Biawak dan kucing hitam misalnya merupakan simbol yang memberi satu makna, iaitu kecelakaan atau sial. Simbol yang memberikan lebih daripada satu makna pula, bergantung pada tempat simbol itu digunakan. Di dalam mantera terdapat banyak sekali simbol yang digunakan baik berhubung dengan manusia, alam, kuasa ghaib atau sebagainya (Haron Daud, 2001:39)

Binatang

Binatang dalam konsepsi orang Melayu meliputi semua benda hidup yang merayap, merangkak, terbang dan berjalan kecuali manusia. Binatang terdiri daripada jenis yang biasa seperti burung, ular, gajah, harimau dan buaya serta jenis yang luar biasa yang tidak dapat dipastikan kewujudannya di alam nyata seperti naga dan garuda. Kesemua binatang itu di dalam mantera dilihat sebagai simbol kehancuran, kekuatan dan penawar.

Harimau

Berdasarkan buku *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu*, harimau menjadi simbol dalam beberapa mantera tersebut. Harimau menduduki takhta Raja Segala Haiwan di kebanyakan budaya Asia timur, melambangkan kerajaan, keberanian dan kemarahan. Harimau ialah haiwan kebangsaan negara-negara Bangladesh, Nepal, India,

Malaysia (Harimau Malaya), Korea Utara dan Korea Selatan (Harimau Siberia).

Di Malaysia, selain Jata Negara yang mempamerkan dua ekor harimau yang berdiri di kedua-dua belah perisai sebagai lambang kekuatan dan keberanian, lambang harimau juga terdapat pada logo syarikat tersohor di Malaysia seperti Maybank dan Proton. Dalam masyarakat Melayu, simbol harimau sering digunakan dalam mantra. Antara mantra yang sering mengaitkan simbol harimau dalam bacaannya adalah seperti mantra jenis penguat badan dan kebal, pendinding, penggerun, penunduk, pemanis dan pengasih dan pembenci. Dalam mantra jenis penguat badan dan kebal, simbol harimau paling dominan digunakan. Mantra ini berfungsi menjadikan diri pengamalnya kuat dari segi fizikal dan kebatinan. Istilah penguat badan dan kebal memang sinonim dengan sifat semula jadi harimau yang kita sedia maklum adalah antara haiwan yang ganas, kuat, gagah, dan menggerunkan. Misalnya seperti mantra penguat badan dan kebal yang berikut;

Cantik parasku bak bulan purnama
Licin muka bak telur dikupas
Lirik mataku tajam bak mata pisau
Pipi pauh layang
Gigi bertahta sari permata
Rambut mayang mengurai
Seri-seri bak bidadari dari syurga
Tegak diriku seperti gergasi
Kuat tulang seperti besi
Cekang uratku seperti dawai
Gagah berani diriku seperti harimau
Bebas diriku bak Sang Helang.
(Zahari, Kemunting, Perak*51)

Dalam mantra tersebut, harimau dikaitkan terus dengan sifat semula jadinya. Si pengamal mantra secara terang mahu dirinya berani seperti seekor harimau. Dalam usaha mengekalkan keadaan tersebut, pengamal membaca mantra yang berkaitan untuk memastikan dirinya benar-benar berani dan kebal. Badan yang kuat dan tidak dimakan usia, gigi yang teguh, rambut yang tahan dan urat

sarat yang baik boleh menjadikan pengamalnya mengalami hidup yang lebih sempurna (Haron Daud, 2001:84).

Selain menjadi simbol keberanian, badan dan semangat yang kuat boleh menjadikan seseorang itu bertenaga dan perkasa. Dalam usaha menjadikan semangatnya kuat, pengamal sering mengaitkan dengan harimau seperti mantera di bawah:

Hei wa lalang
Anak rimau jaga malam
Tidur siang
Ah, urat aku
Teguh tegang
Bukan aku jaga Jibrail jaga
Ah, besi sisami
Bukan aku yang buat
Jibrail yang buat

(Kalsom Ahmad, Kuala Terengganu, Terengganu*9)

Berdasarkan mantera penguat badan dan kebal tersebut, anak harimau digambarkan sebagai haiwan yang mengawal diri pengamalnya pada waktu malam. Apabila mantera ini dibaca dan diamalkan, maka para musuh akan sukar untuk menewaskan si pengamal kerana setiap masa si pengamal mantera ini dijaga atau dikawal oleh haiwan atau benda-benda yang telah dilafazkan. Kayakinan diri si pengamal mantera penguat badan dan kebal ini juga turut bertambah. Tiada lagi perasaan takut atau gerun apabila si pengamal ini keluar dari rumah atau berhadapan dengan sesiapa sahaja terutama musuhnya. Badan dan semangat yang kuat boleh menjadikan seseorang itu lebih bertenaga dan perkasa (Haron Daud, 2001: 85).

Terdapat juga mantera untuk menjadi kebal. Pengamal ilmu kebal dapat menjaga tubuh badannya daripada cedera akibat senjata. Dalam mantera tersebut, si pengamal akan merasakan dirinya sangat kebal. Ini dapat dibuktikan dengan ayat dalam mantera itu sendiri iaitu "*harimau lalu tunduk*". Apabila si pengamal membacakan mantera ini, ia akan bertambah yakin pada diri sendiri. Hal ini demikian adalah kerana, sedangkan harimau yang lalu di hadapannya akan tunduk

inikan pula manusia biasa. Tunduk di sini bermaksud sama ada tunduk hormat ataupun tunduk kerana ketakutan. Secara logiknya, setiap manusia akan seboleh-bolehnya untuk mengelakkan diri daripada terserempak dengan haiwan ganas seperti harimau. Manusia sekiranya tanpa senjata yang sesuai akan menyelamatkan diri daripada dibaham oleh harimau.

Selain mantera penguat badan dan kebal, simbol harimau turut digunakan dalam mantera pendinding. Mantera pendinding berfungsi untuk melindungi diri daripada musuh, sama ada manusia, makhluk halus, binatang atau sebagainya. Dalam kehidupan harian kadangkala berlaku pergaduhan antara seseorang dengan yang lain sehingga timbul permusuhan atau dendam-mendendami. Berdasarkan mantera tersebut, si pengamal telah menjadikan harimau untuk melindungi dirinya dari diganggu oleh orang lain (musuh). Simbol kegarangan harimau secara semula jadinya akan menakutkan semua orang.

Gajah

Dalam masyarakat Melayu tradisional, gajah digunakan oleh pihak istana sebagai simbol kebesaran dan kekuatan. Gajah digunakan apabila berlakunya peperangan. Bagi golongan rakyat biasa, gajah digunakan dalam aktiviti pertanian. Mantera penguat badan dan kebal sering digunakan oleh masyarakat Melayu zaman dahulu. Mantera ini secara tidak langsung akan menyebabkan si pengamalnya merasakan dirinya sangat kuat dan kebal. Kuat dan kebal seseorang pengamal mantera tersebut adalah bergantung kepada unsur-unsur yang diamalkan. Misalnya seperti unsur gajah. Dalam mantera penguat gigi di bawah, simbol gajah digunakan. Simbol ini memberi keyakinan kepada si pengamal bahawa giginya akan kukuh dan kuat serta tidak akan rosak atau patah. Gigi dalam kehidupan manusia sangat penting terutamanya ketika hendak menikmati makanan.

Bismillahirrahmanirrahim

Tok asa tok gigi

Patah tangga kuat gigi

Tembus gajah kuat gigi

Pintal telasan kuat-kuat

Gigitlah sekuat-kuatnya

Berkat doa Lailahailallah

Muhammadur Rasulullah.

(Norpiah Saman, Kuala Kurau, Perak*10)

Dalam mantera pendinding, terdapat juga unsur gajah digunakan. Mantera pendinding biasanya diamalkan oleh seseorang untuk mengelakkan sama ada diri sendiri atau kaum keluarga dari diganggu oleh manusia, haiwan mahupun makhluk halus. Selain itu, terdapat juga simbol gajah dalam mantera penggerun. Mantera penggerun ini bukan sahaja diamalkan oleh guru-guru silat malahan juga oleh individu-individu biasa dalam memastikan diri mereka gagah serta menggerunkan pihak lawan. Dalam memastikan diri mereka perlu memenangi sesuatu pertandingan, mantera penggerun ini yang biasanya akan dibaca.

Di samping itu, mantera penunduk juga mempunyai simbol gajah. Mantera penunduk biasanya diamalkan oleh seseorang individu untuk mengawal pihak lain sama ada musuh ataupun orang biasa. Mantera penunduk juga turut digunakan oleh bomoh untuk menjinakkan haiwan-haiwan liar daripada mengganggu ketenteraman penduduk kampung. Misalnya seperti mantera penunduk yang berikut;

Sekam baru, sekam buruk

Setampi-tampi, selayang-layang

Si anu tunduk aku pakai raja hulubalang

Engkau tunduk aku yang boleh

Aku nama harimau garang

Gajah besar salang tunduk

Harimau kuat salang tak bunyi

Limpa raya engkau tulang rambut urat daging

Engkau tunduk aku yang paling lebih

Sifat kepada engkau

Engkau tidak boleh berkata-kata

Aku yang boleh berkata-kata sekalian bangsa

Berkat doa Lailahailallah

Muhammadur Rasulullah.

(Abd. Ghani Uruf, Batu Pahat, Johor*555)

Ular

Seterusnya, ular juga banyak terdapat dalam mantera yang dikaji. Ular merupakan reptilia karnivor yang panjang dan tidak berkaki dalam suborder Serpentes. Seperti semua spesies Squamata, ular merupakan vertebrat amniot ektoterma yang berkulitkan sisik yang bertindan-tindih. Kebanyakan spesies ular mempunyai tengkorak yang lebih banyak sendinya berbanding leluhur cicaknya supaya mudah untuk menelan mangsa yang lebih besar daripada kepalanya dengan rahang yang amat mudah gerak. Ular tedung, ular kapak, dan spesies-spesies yang sebagainya menggunakan bisa untuk melumpuhkan atau membunuh mangsa. Bisa itu merupakan air liur terubah suai yang disampaikan melalui siungnya (<https://ms.wikipedia.org/wiki/Ular>).

Dalam kehidupan sehari-hari orang Melayu sering berhadapan dengan ular. Mereka kenal kelicikannya menyusup di celah-celah semak-samun dan sering juga mematuk hingga membawa maut. Mungkin sebab itu, binatang ini sering dilambangkan sebagai licik dan berbahaya.

Hei ular tedung senduk

Mu jangan ketik aku
Baik mu pergi ketik pokok kayu
Bisamu akan kubuang sungai
Mu jangan buat dosa pada tubuh kami
Kalau tidak aku ambil kayu palumu

(Tok Bomoh Din, Pasir Mas, Kelantan*506)

Mantera tersebut adalah salah satu daripada mantera jenis penunduk. Mantera tersebut biasanya diamalkan oleh bomoh ular. Berdasarkan mantera tersebut, si pengamal mengawal tindak tanduk ular tersebut dengan ayat yang berbaur ugutan. Ular tedung merupakan sejenis ular yang paling berbisa di dunia. Jika si pengamal tidak menggunakan ayat berunsur ugutan, pasti ular tersebut akan terus mencedarakan sama ada si pengamal mantera ataupun orang yang berada disekelilingnya. Biasanya mantera ini diamalkan oleh bomoh ular. Khidmatnya diperlukan sekiranya ada antara penduduk

kampung yang diganggu oleh kehadiran sebarang jenis ular yang berbahaya dan mengancam nyawa manusia.

Terdapat mantera penunduk yang diamalkan untuk menundukkan musuh yang bukan haiwan. Mantera ini juga turut menggunakan ular dalam memastikan musuh tunduk kepadanya setelah dibacakan. Berdasarkan dua mantera penunduk tersebut, simbol ular yang digunakan benar-benar ingin memastikan musuh akan tunduk kepada si pengamal. Hal ini demikian kerana, dalam masyarakat Melayu ular berbisa merupakan ular yang boleh mendatangkan mudarat jika dipatuk. Apabila mantera penunduk ini menggambarkan ular bisa seperti janggutnya, secara tidak langsung pihak musuh tidak berani untuk melawannya.

Tumbuhan

Seperti yang diketahui umum, alam semula jadi merangkumi segala jirim hidup dan jirim bukan hidup yang berada secara semula jadi di bumi. Dalam pengertian yang paling tulen, ia adalah persekitaran yang tanpa kegiatan manusia. ([https://ms.wikipedia.org/wiki/Alam semula jadi](https://ms.wikipedia.org/wiki/Alam_semula_jadi)). Di dalam masyarakat Melayu, terdapat berbagai-bagai jenis tumbuhan yang bermanfaat kepada manusia. Pada zaman dahulu, masyarakat Melayu lebih cenderung menggunakan unsur-unsur alam untuk tujuan tertentu, seperti memberi nama kepada anak-anak, pembayang di dalam pantun, simpulan bahasa, perubatan dan sebagainya. Hal yang demikian ini terjadi disebabkan masyarakat Melayu terdahulu sangat menghargai alam.

Buluh

Buluh juga dikenali sebagai aur atau bambu merupakan suku bagi tumbuhan saka berbunga daripada keluarga *Poaceae*. Struktur pokok buluh adalah berongga di bahagian tengah dan keratan rentas berkas vaskularnya terletak bertaburan di seluruh batang. Ia juga tidak mempunyai xylem. (<https://ms.wikipedia.org/wiki/Buluh>).

Buluh long buluh perindu

Bunyi suara aku deras bagai air pusing mendidih

Mudik-memudik burung terbang
Lagi beradu-beradu dengan
Suara seperti suara Nabi Daud
Pandang kat rupa, serupa Nabi Yusuf
Pandang kat rupa seperti Allah kasihkan Muhammad
Berkat doa Lailahailallah.

(Abdul Rahman Yusof, Pokok Sena, Kedah*721)

Mantera yang tertera di atas adalah mantera jenis pemanis. Orang Melayu terkenal dengan pelbagai “pakaian” yang dipakai untuk tujuan-tujuan tertentu. Tidak kira lelaki atau perempuan, pemakaian pakaian ini adalah untuk kepentingan diri. Antara pakaian yang terkenal ialah pemanis dan pengasih. Pemakainya mengharapkan dirinya dikasihi dan disayangi oleh orang lain ataupun orang-orang tertentu. Bacaannya mudah dan pendek. Boleh diamalkan oleh sesiapa sahaja yang berhajat.

Dalam masyarakat Melayu, buluh mempunyai banyak jenis. Buluh perindu adalah sejenis buluh yang sering digunakan dalam perubatan tradisional. Buluh perindu (*Bambusa magica*) ialah sejenis buluh kecil yang mengeluarkan bunyi merdu apabila ditiup angin. Oleh kerana itu, ia sering dijadikan seruling dan merupakan nama seruling tersebut. Atas sebab yang sama, buluh perindu juga boleh membawa maksud bunyi atau suara yang merdu (https://ms.wikipedia.org/wiki/Buluh_perindu).

Terdapat juga mantera penguat badan dan kebal yang menggunakan buluh sebagai simbol kuat dan kebal. Dalam masyarakat Melayu, mantera jenis ini biasanya diamalkan oleh seseorang individu untuk beberapa tujuan. Misalnya untuk mengekalkan kekuatan badan dalam melakukan kerja seharian seperti bercucuk tanam kerana pada masa dahulu masih belum ada teknologi dalam bidang pertanian. Ada juga individu yang mengamalkan mantera penguat badan dan kebal ini kerana ingin melindungi diri dari ancaman musuh.

Sirih

Selain buluh, sirih turut digunakan dalam mantera yang dikaji. Sirih atau nama saintifiknya *Piper betle*, merujuk kepada daun sirih yang diambil dari pokok Sirih, sejenis pokok menjalar, yang merupakan satu

bahan penting dalam kebudayaan Melayu. Pokok ini berasal dari Malaysia dan kini boleh turut dijumpai di India, Indonesia dan Sri Lanka. Daun sirih mempunyai bentuk yang hampir menyerupai daun Kaduk. Ia penting dalam adat perkahwinan dan perubatan Melayu tradisional. Pada kebiasaannya dahulu, pokok sirih banyak ditanam di kampung-kampung. Daun sirih berwarna hijau gelap dan bersaiz kira-kira 15 cm panjang dan 10 cm lebar. Ia juga mudah didapati di pasar, terutamanya di kawasan pedalaman. Sirih digunakan oleh orang Melayu sebagai hantaran dalam istiadat perkahwinan orang Melayu. Sirih juga digunakan dalam upacara menjampi seseorang dalam proses mengubati pesakit.

Selain daripada itu, daun sirih juga boleh dimakan bersama-sama gambir untuk mengubati penyakit cirit-birit. Bagi mengubati pendarahan pada hidung, daun sirih digulung dan disumbat ke dalam lubang hidung untuk menghentikan pengaliran darah dari dalam hidung (<https://ms.wikipedia.org/wiki/Sirih>).

Bismillahirrahmanirrahim

Makan sirih selipat dua ipat

Makan pinang selayang dua layang

Aku pakai doa makrifat

Segala umat memandangkanku sayang

Seri sirih naik ke muka

Cahaya pinang turun ke gigi

Cahaya Allah cahaya Muhammad

Cahaya Baginda Rasulullah

Berkat doa Lailahailallah

Muhammadur Rasulullah

(Zaharah Ibrahim, Chuping, Perlis*657)

Mantera jenis ini diamalkan oleh individu yang ingin dirinya sentiasa dipandang elok dan manis. Dalam mantera ini, sirih menjadi simbol kecantikan kepada si pengamal mantera. Apabila orang sekeliling berhadapan dengannya, mereka akan mendapati wajah si pengamal mantera pemanis ini sentiasa berseri-seri dan cantik. Wajahnya tidak jemu-jemu untuk dipandang.

Sirih juga turut digunakan dalam mantera pengasih dan pembenci. Mantera ini diamalkan untuk dua tujuan iaitu sebagai pengasih dan sebagai pembenci. Jika tujuan bacaan adalah untuk memikat hati seseorang maka mantera pengasih yang akan digunakan. Mantera ini dibaca oleh si pengamal agar individu yang dikehendakinya akan terpicik dan mudah untuk jatuh hati kepadanya. Apabila seseorang individu sudah “*terkena*” dengan mantera pengasih ini, hidupnya seharian akan berubah.

Kosmos

Alam bagi orang Melayu meliputi alam nyata dan alam ghaib. Alam nyata terdiri daripada apa yang ada di langit dan di bumi serta boleh dilihat dengan mata, seperti matahari, bulan, bintang, laut, sungai dan bukit. Alam ghaib pula terdiri daripada kayangan, syurga dan neraka. Dalam mantera, alam nyata bagi orang Melayu bukan sahaja dilihat sebagai unsur-unsur yang ada di sekeliling mereka kerana unsur-unsur alam itu juga dijadikan simbol yang berkaitan dengan diri dan masyarakat. Matahari, bulan dan bintang dikenali orang Melayu, antara lain kerana cahaya masing-masing.

Matahari

Terdapat tiga jenis alam kosmos yang dominan digunakan dalam mantera iaitu matahari, bulan dan bintang. Matahari merupakan bintang terdekat dengan Bumi dengan jarak purata 149,680,000 kilometer (93,026,724 batu). Matahari dan lapan buah planet membentuk Sistem Suria. Matahari mempunyai diameter 1,391,980 kilometer dengan suhu permukaan 5,500 °C dan suhu teras 15 juta °C. Matahari dikelaskan sebagai bintang kerdil jenis G. Cahaya daripada matahari memakan masa 8 minit untuk sampai ke Bumi dan cahaya yang terang ini boleh mengakibatkan sesiapa yang memandangi terus kepada matahari, menjadi buta (<https://ms.wikipedia.org/wiki/Matahari>).

Bismillahirrahmanirrahim
Ah si gentar bumi harimau jantan

Tujuh lilit naga di pinggang aku
Matahari kutentang lagi
Kan pulak musuh seteru
Ah tidak lawan pada aku, berkat doa.

(Ibrahim Haji Salleh, Simpang Empat, Perlis*495)

Pada hakikatnya, matahari adalah sangat panas dan manusia akan mencari tempat berlindung terutamanya pada musim panas. Musim kemarau juga berlaku diakibatkan dengan faktor cuaca yang panas. Dalam mantera (*495) ini, walaupun matahari merujuk kepada simbol kekuatan dan kehebatan, namun telah dimanipulasi oleh pengamal mantera penunduk. Ini bermaksud, pengamal mantera penunduk ini tidak takut dengan kehebatan manusia kerana kehebatan cahaya matahari pun mampu ditentang dengan begitu mudah. Selain digunakan dalam mantera penunduk, simbol matahari juga turut digunakan dalam mantera pemanis.

RUMUSAN

Kesimpulannya, dunia kata-kata dalam mantera boleh merangsang psikologi manusia untuk berubah menjadi apa yang dimahukannya mengikut amalan individu tersebut. Berdasarkan simbol yang tertentu maka mantera boleh menjadi terapi kerana rangsangan psikologi tersebut. Namun, penggunaan mantera bagi masyarakat Melayu kini kurang diamalkan kerana ia bertentangan dengan ajaran agama Islam tetapi ia amat penting dikaji bagi mengangkat kembali pemikiran dan falsafah orang Melayu yang terkandung dalam kata-kata mantera melalui penggunaan simbol.

Pada zaman yang mementingkan sains dan teknologi, masyarakat kurang memberikan perhatian kewujudan mantera dan nilai-nilai yang terkandung di dalamnya. Mantera sering dipertikaikan kewajarannya dan fungsi penggunaannya pada masa kini. Jika kita imbas kembali sejarah penciptaan mantera dan peranannya dalam kehidupan masyarakat Melayu, memang terlalu banyak dan tidak terkira jumlahnya. Mantera menjadi alat untuk perubatan, pertahanan diri, kecantikan dan sebagainya. Hal ini adalah kerana, melalui penggunaan mantera unsur simbol yang terdapat di dalamnya

terkandung nilai pemikiran Melayu yang dilihat sebagai memberi wajah atau gambaran sebenar kehidupan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Mantera dilihat sangat penting dalam sistem sosial masyarakat dahulu.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Abd Talib. (1995). "Jean Piaget dan Teori Perkembangan Bahasa." dlm *Jurnal Dewan Bahasa* 39 (1): 57-61.
- Hashim Awang. (1985). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Hashim Awang. (2002). "Teori Perkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya" dlm *Kertas Kerja Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Haron Daud. (1994). *Kesusasteraan Klasik: Manusia dan Kepercayaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud. (2001). *Mantera Melayu: Analisis Pemikiran*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Haron Daud. (2006). *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Haron Daud. (2007). "Penggunaan Mantera dalam bidang Perbomohan dan Perubatan Tradisional Melayu" dlm *Pandangan Semesta Melayu Mantera*. Rogayah A.Hamid & Mariyam Salim (peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Mat Nor. (2007). "Mantera, Perbomohan dan Pandangan Semesta Melayu dari Perspektif Sosiologi dan Antropologi" dlm *Pandangan Semesta Melayu Mantera*. Rogayah A.Hamid & Mariyam Salim (peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah et.al. (2000). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (2007). *Pantun Melayu: Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Ismail hussein. (1974). *The Study of Traditional Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mana Sikana. (2012). *Teori Sastera Kontemporari*. Bangi: Penerbit Pustaka Karya.
- Mohd. Rosli Saludin. (2007). *Puisi Melayu Tradisional*. Bukit Mertajam: Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Taib Osman. (1974). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Noriah Taslim. (2007). "Mekanisme Kuasa dalam Mantera: Satu Analisis dari Pendekatan Pragmatik" dlm *Pandangan Semesta Melayu Mantera*. Rogayah A.Hamid & Mariyam Salim (peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim, Jun (1998). "Protagonis dalam era Pasca Kolonial: Perubahan Ideologi dan naratif baru tentang sastera Melayu Tradisional" dalam *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm: 79.
- Noriah Mohamed. (2006). *Sentuhan Rasa dan Fikir dalam Puisi Melayu Tradisional*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norazimah bt Zakaria. (2014). "Pemupukan Nilai Jati Diri dalam Sastera Melayu Tradisi" dlm *Prosiding INSAN*. Johor: UTHM
- Norazimah bt Zakaria. (2016). *Kanon Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1994). "Unsur-unsur Kepercayaan Manusia Melayu dalam Karya-karya Historiografi tradisional Melayu" dalam Haron Daud (peny). *Kesusasteraan Klasik: Manusia dan Kepercayaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wong Soak Koon. (Disember 1987). "*Semiotik dan Sastera*" *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

INTERNET

- <https://ms.wikipedia.org/wiki/Ular>
- https://ms.wikipedia.org/wiki/Alam_semula_jadi
- <https://ms.wikipedia.org/wiki/Sirih>
- https://ms.wikipedia.org/wiki/Buluh_perindu